

Dagang: PM tegur negara maju

BH 12 MAR 1985

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur negara-negara maju kerana terus mengamalkan dasar ekonomi dan perdagangan yang menjejaskan hubungan perdagangan dunia.

Perdana Menteri menegaskan, sekatan-sekatan perdagangan yang diwujudkan itu menghalang aliran perdagangan.

Negara-negara itu, katanya, sengaja mengadakan sekatan itu bagi melindungi industri-industri mereka yang tidak cekap menghadapi persaingan barang-barang keluaran negara-negara membangun.

"Langkah-langkah ini adalah bercanggah dengan hujah mereka mengenai perdagangan bebas," katanya di majlis makan malam bagi meraikan Perdana Menteri Yugoslavia, Puan Milka Planinc, di Sri Perdana di sini malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan negara-negara itu membuat demikian rumit-

kan lagi usaha negara-negara membangun, untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia.

Ini lebih-lebih lagi kerana kemelesetan ekonomi dunia belum menunjukkan tanda-tanda akan pulih lebih awal, ditambah pula dengan masalah kadar faedah dan paras hutang luar yang tinggi serta kesukaran untuk menimbusi pasaran yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menyentuh keadaan di Kampuchea, Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan) bagi Asia

Tenggara, peningkatan dalam perlumbaan senjata antara kuasa-kuasa besar, soal Afghanistan, perang Iran-Iraq, soal Antartika dan kerjasama dua hala.

Beliau juga menyentuh dengan panjang lebar mengenai pergerakan berkecuali dan menyanjung daya usaha yang diambil untuk memperjuangkan Susunan Baru Ekonomi Antarabangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia, bagaimanapun, memandang berat kecenderungan pergerakan itu ke arah sikap yang radikal dan memihak secara terbuka sejak kebelakangan ini.